

Enam pam alih air ke kolam di Bestari Jaya dirosakkan

Shah Alam: Enam pam air yang berfungsi untuk mengalihkan air ke kolam dirosakkan dalam kejadian yang disedari petugas Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di pam 'Hybrid Off River Augmentation System' (HORAS) di Sungai Darah, Bestari Jaya di sini, kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan, Infrastruktur dan

Kemudahan Awam Selangor Dr Ahmad Yunus Hairi dalam satu kenyataan berkata, perkara itu disedari jam 2.30 pagi ketika petugas berkenaan sedang bertugas di lokasi pam terbabit.

"Dalam kejadian jam 2.30 pagi semalam (kelmarin), pasukan yang bertugas di tempat pengepaman air mendapati kabel pada enam pam dipotong selain dirosakkan.

"Bagaimanapun, pengguna tidak

perlu bimbang kerana tindakan sabotaj ini sama sekali tidak menjejaskan bekalan air terawat kepada pengguna," katanya.

Menurut Dr Ahmad Yunus, ia satu lagi usaha untuk mensabotaj kerajaan negeri yang sedang bertungkus lumus memastikan bekalan air mentah mencukupi sepanjang musim perayaan Aidilfitri.

Katanya, pihaknya akan mem-

buat satu lagi laporan polis dan menggesa pihak berkuasa supaya mengetatkan kawalan di sekitar kawasan berkenaan.

Pada 28 Julai lalu, Harian Metro melaporkan, Dr Ahmad Yunus mengecam cubaan sabotaj oleh pihak tertentu terhadap usaha memastikan bekalan air mentah cukup sepanjang musim perayaan Aidilfitri.

"Pasukan yang bertugas me-

ngendalikan pam di HORAS Bestari Jaya diugut sekumpulan sam-seng bersenjata dan kerana bimbangkan keselamatan diri, pasukan berkenaan meninggalkan kawasan itu.

"Cubaan sabotaj ini mengakibatkan operasi pengepaman air dari HORAS ke sungai terganggu lima jam serta menyebabkan pengeluaran air berjumlah 70 juta liter padu tergendala," katanya.